


UNIT 1 Nombor Bulat hingga 7 Digit

Arahan: Jawab semua soalan.

- 1 Tulis 2 030 801 dalam perkataan.
- 2 Tulis 7 510 000 dalam unit juta.
- 3 Nyatakan 4 250 000 dalam unit juta yang melibatkan pecahan.
- 4 Cerakinkan 5 610 308 mengikut nilai digit.
- 5 3 607 025, 3 075 602, 3 007 652, 3 762 050
Susun nombor-nombor di atas dalam tertib menurun.
- 6 Apakah nilai tempat bagi digit 6 dalam nombor 2 364 587?
- 7 Lengkapkan:

$$1\ 708\ 632 = 700\ 000 + 30 + 600 + 1\ 000\ 000 + 2 + \boxed{}$$
- 8 Bundarkan 8 356 721 kepada ratus ribu yang terdekat.
- 9 Rajah di bawah menunjukkan satu garis nombor.




Apakah nilai X ?
- 10 Diberi $480 + P \div 5 = 500$. Cari nilai P .

11 $36\,207 - 926 \times 9 =$

12 $(1212 \div 6) + (1610 \div 14) =$

13 2715 biji guli dimasukkan sama banyak ke dalam 15 buah bekas. Berapakah bilangan guli di dalam 7 buah bekas itu?

14 Rajah di bawah menunjukkan bilangan limau dan epal di dalam dua buah kotak.



Encik Singam membeli 12 kotak limau dan 8 kotak epal itu. Berapakah jumlah buah-buahan yang dibelinya?

15 Cikgu Faisal membeli 10 dozen pensel untuk dibahagikan sama banyak kepada 28 orang murid lelaki dan 32 orang murid perempuan. Berapa batang penselkah yang diterima oleh setiap murid itu?

16 Berapakah yang perlu ditambah kepada hasil darab 123 dengan 38 supaya menjadi 10 ribu?


17 Sebanyak 3 buah bas disewa bagi membawa 132 orang murid dalam suatu lawatan. Berapa buah bas perlu disewa untuk membawa 220 orang murid?

18 Rajah di bawah menunjukkan harga telur ayam.



Puan Zaleha mempunyai RM11. Berapa biji telur ayam yang dapat dibelinya?

19 Rajah di bawah menunjukkan bilangan manggis yang dikumpulkan oleh Pak Husin.



Pada hari pertama, Pak Husin menjual 245 biji manggis. Pada hari kedua, bilangan manggis yang dijual melebihi hari pertama sebanyak 90 biji. Berapakah baki manggis itu?

20 Maliza ada 280 keping setem. Bilangan setem Aina adalah tiga kali bilangan setem Maliza. Hayati pula ada 75 keping setem kurang daripada Aina. Hitung jumlah setem mereka bertiga.

UNIT 2 Pecahan

Arahan: Jawab semua soalan.

1 Tukarkan $\frac{19}{4}$ kepada nombor bercampur.


2 $5\frac{1}{5} + \frac{3}{10} =$

3 $\frac{5}{6} \times 642 =$

4 $8 - 3\frac{2}{7} =$

5 Tulis satu pecahan yang setara dengan $\frac{5}{9}$.

- 6 Rajah di bawah terdiri daripada beberapa bentuk yang serupa dan sama besar.



Tulis pecahan, dalam bentuk termudah, yang mewakili bahagian berlorek daripada seluruh rajah itu.

- 7 Cari selisih antara $1\frac{1}{6}$ dengan $4\frac{2}{3}$.

- 8 Berapakah $\frac{2}{3}$ daripada 615 biji ciku?

- 9 Encik Pong membeli 40 biji manggis. Dia memberikan 12 biji manggis itu kepada jirannya. Berapakah pecahan manggis yang diberikan kepada jirannya?

- 10 Pak Udin memelihara 51 ekor ayam. $\frac{2}{3}$ daripada ayam itu ialah ayam jantan. Cari bilangan ayam betina yang dipeliharanya.

11 $9\frac{1}{9} + 4\frac{1}{3} - 2\frac{5}{6} =$

- 12 Asraf ada RM126. Dia menggunakan $\frac{3}{7}$ daripada wangnya untuk membeli dua helai baju yang sama. Berapakah harga sehelai baju itu?


- 13 Rosnani ada 96 keping kad. Bilangan kad Lalitha adalah $\frac{1}{4}$ daripada bilangan kad Rosnani. Hitung jumlah kad mereka.

- 14 Jadual di bawah menunjukkan masa yang diambil oleh tiga orang murid untuk menyiapkan suatu projek Sains.

Nama Murid	Masa
Prasad	3 jam
Yu Chong	$2\frac{5}{6}$ jam
Azhar	$4\frac{1}{4}$ jam


Hitung jumlah masa yang diambil oleh tiga orang murid itu untuk menyiapkan projek itu.

- 15 Rajah di bawah menunjukkan baki kain setelah $7\frac{3}{8}$ m kain dipotong.



Hitung panjang asal, dalam m, kain itu.

- 16 Rajah di bawah menunjukkan dua biji kek yang dipotong kepada beberapa bahagian yang sama besar.



Afifi makan $\frac{1}{4}$ daripada kek pertama manakala Sin May pula makan $\frac{1}{8}$ daripada kek kedua. Berapakah pecahan kek yang tinggal?


- 17 Sekampit tepung adalah $1\frac{1}{5}$ kg lebih ringan daripada sekampit gula. Diberi berat sekampit tepung itu ialah $5\frac{1}{10}$ kg. Berapakah berat, dalam kg, gula itu?

- 18 Rajah di bawah menunjukkan bilangan pen di dalam sebuah bekas.




$\frac{1}{5}$ daripada jumlah pen itu ialah pen merah. 12 batang daripadanya ialah pen biru. Hitung bilangan pen yang bukan berwarna merah dan biru.

- 19 Rajah di bawah menunjukkan ukuran dua utas tali.



Diberi panjang tali R adalah $\frac{1}{4}$ m kurang daripada tali Q . Hitung jumlah panjang, dalam m, ketiga-tiga tali itu.

- 20 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam sebuah bekas.



Siti dan Ani masing-masing mengeluarkan $1\frac{1}{2}$ dan $\frac{1}{2}$ air daripada bekas itu. Hitung isi padu, dalam l, air yang tinggal.

UNIT 3 Perpuluhan

Arahan: Jawab semua soalan.

1 Nyatakan nilai tempat bagi digit 7 dalam nombor 12.076.

2 Tukarkan $4\frac{19}{1000}$ kepada nombor perpuluhan.

3 $33.8 - (18.4 + 4.91) =$

4 Tukarkan 1.3 kepada pecahan.

5 $156 \times 2.6 =$

6 Bahagikan 11.07 dengan 6. Bundarkan hasil bahaginya kepada dua tempat perpuluhan.

7 Berapakah yang perlu ditambah daripada $9.123 + 20$ supaya menjadi 71.4?

8 (a) Tukarkan $1\frac{4}{5}$ kepada nombor perpuluhan.
(b) Tukarkan 2.017 kepada nombor bercampur.

9 Lengkapkan: $40 + \square - 16.81 = 50.9$

10 7.8, 7.08, 7.808, 7.88

Susun nombor-nombor di atas dalam turutan menaik.

11 82.716

Cari beza antara dua nilai digit yang bergaris dalam nombor di atas.

12 

Berdasarkan garis nombor di atas, hitung nilai $P \div 100$.

13 $(72.6 - 9.41) - (2.8 + 1.934) =$

14 Nyatakan $\left(\frac{7}{10} + \frac{26}{100}\right) \times 100$ dalam nombor perpuluhan.

15 Nyatakan beza antara $9\frac{7}{100}$ dengan 4.3 dalam nombor perpuluhan.

16 Lengkapkan: $0.18 \times 3 = \square \div 10$

17 Hitung selisih antara 23 dengan 4.5.

18 Hasil tambah tiga nombor ialah 48.9. Dua daripada nombor itu ialah 6.81 dan 12.74. Apakah nombor yang satu lagi?

19 $8.015 \times 40 =$

20 Selesaikan $1\frac{1}{4} + 7\frac{9}{100}$. Nyatakan jawapan dalam nombor perpuluhan.

UNIT 4 Wang hingga RM1 000 000

Arahan: Jawab semua soalan.

1 Lengkapkan:


$$\text{RM}225 = 15 \text{ keping RM}10 + \boxed{} \text{ keping RM}5 \\ + 5 \text{ keping RM}1$$

2 $\text{RM}408 + \text{RM}12\,643.40 - \text{RM}9610.70 =$

3 Rajah di bawah menunjukkan jumlah wang yang dimiliki oleh Kelly and Ramlah.



Wang Kelly



Wang Ramlah

Berapakah wang yang harus diberi oleh Kelly kepada Ramlah supaya jumlah wang mereka sama?

4 Harga 4 buah buku latihan yang sama ialah RM2.60. Ali mempunyai RM6.50. Berapakah bilangan buku latihan yang dapat dibelinya?

5 $(\text{RM}1208.30 - \text{RM}699.50) \times 7 =$

6 Gaji bulanan Mala ialah RM1150. Dia menyimpan $\frac{2}{5}$ daripada gajinya setiap bulan. Berapakah simpanan Mala setiap bulan?

7 Rajah di bawah menunjukkan harga mangga dan oren.

Mangga: RM10.00 untuk 3 kg Oren: 65 sen sebiji

Cari jumlah harga 9 kg mangga dan 7 biji oren.

8 Lai Soon ada RM102. Dia membeli dua pasang kasut yang berharga RM29.90 sepasang. Berapakah baki wangnya?

9 $\frac{1}{4}$ daripada RM4900.20 =

10 Jadual di bawah menunjukkan harga kos dan harga jual sebuah radio.

Barang	Harga Kos	Harga Jual
Radio	RM238	RM320

Encik Wong telah menjual 5 buah radio yang sama. Berapakah jumlah keuntungan daripada hasil jualan itu?

11 $\text{RM}4042 + \text{RM}5636 \div 8 =$

- 12 Jadual di bawah menunjukkan bilangan wang kertas dan duit syiling kepunyaan Roslan.

Nilai Wang	RM10	RM5	20 sen	5 sen
Bilangan	7	2	9	6

Berapakah jumlah wang Roslan?

- 13 Wang simpanan Tat Ming ialah RM780. Wang simpanan Zaini adalah RM95 kurang daripada Tat Ming. Hitung jumlah wang simpanan mereka.

- 14 Berapa kepingkah wang kertas RM50 yang dapat ditukarkan dengan RM70 500?

- 15 Rajah di bawah menunjukkan harga sebotol syampu dan sebuku sabun.



RM9.50



90 sen

Jamilah membeli 8 botol syampu dan sebuku sabun. Berapakah jumlah bayarannya?

- 16 4 m kain berharga RM30.40. Berapakah jumlah harga bagi 3 m kain yang sama?

- 17 Sangita menggunakan $\frac{2}{7}$ daripada RM105 untuk membeli 4 buah album setem yang sama. Berapakah harga sebuah album setem itu?

18 $RM7612 \times 6 \div 12 =$

- 19 Lin Lin membeli 3 batang pen untuk kakaknya. Dia membayar RM30 dan menerima RM4.20. Berapakah harga sebatang pen itu?

- 20 Jumlah harga 5 kg gula dan 3 kg tepung ialah RM11.70. Diberi harga sekilogram tepung ialah RM1.40. Berapakah harga sekilogram gula itu?

UNIT 5 Peratus

Arahan: Jawab semua soalan.

1 Berapa peratuskah 19 orang daripada 50 orang murid?


2 Hitung 45% daripada 400.

3 Nyatakan 0.7 sebagai peratus.

4 Berapa peratuskah 30 cm daripada 2 m?

5 Puan Maziah membeli 25 biji telur ayam. 4 biji daripadanya telah busuk. Berapa peratuskah telur yang busuk?


6



Berapa peratuskah bahagian berlorek daripada seluruh rajah di atas?

7 Gaji Maznah ialah RM960. Dia membelanjakan RM240 daripada gajinya untuk sewa bilik. Berapa peratuskah daripada gajinya dibelanjakan untuk sewa bilik?

8 Rajah di bawah menunjukkan harga sebuah almari yang dipamerkan di sebuah kedai.



Kira peratus diskaun bagi jualan sebuah almari itu.

9 Puan Foong membeli sebuah televisyen dengan harga RM900. Selepas setahun, dia menjual televisyen itu dengan kerugian sebanyak 20%. Berapakah harga jual televisyen itu?

10 Kelas Tahun 6 Orkid ada 40 orang murid. 18 orang daripadanya ialah murid lelaki. Berapa peratuskah murid perempuan dalam kelas itu?

11 $RM160 + 40\%$ daripada $RM390 =$


12 $\frac{1}{4}$ daripada jumlah buah-buahan di sebuah gerai telah dijual. Hitung peratus buah-buahan yang belum dijual.

13 Rajah di bawah menunjukkan harga asal sebuah peti sejuk.



Peti sejuk itu dinaikkan harga sebanyak 10%. Berapakah harga baru peti sejuk itu?

14 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam sebuah bikar.



Berapa peratuskah air yang harus ditambahkan supaya isi padu air itu menjadi 1 l?

15 Berapa peratuskah 24 hari daripada bilangan hari dalam bulan Jun?

16 Rajah di bawah menunjukkan harga kamera bagi dua jenis model.



Model X
RM1400
Diskaun 15%



Model Y
RM1200
Diskaun 20%

Hitung beza harga antara kamera model X dengan kamera model Y selepas diskaun.

17 Sebuah bakul ada 10 biji bola merah, 12 biji bola biru, dan 18 biji bola hijau. Berapa peratuskah bola biru di dalam bakul itu?

18 Dalam suatu ujian Bahasa Melayu, Aizat dapat menjawab 42 daripada 50 soalan dengan betul. Berapa peratuskah soalan yang dapat dijawabnya dengan betul?

19 80% daripada jarak di antara dua buah bandar ialah 60 km. Berapakah jarak di antara dua buah bandar itu?

20 Harga sebuah buku setelah diberi diskaun 25% ialah RM12. Berapakah harga asal sebuah buku itu?

UNIT 6 Masa dan Waktu

Arahan: *Jawab semua soalan.*

1 Nyatakan 12.50 tengah malam dalam sistem 24 jam.

2 Tukarkan $1\frac{3}{4}$ jam kepada minit.

3 Tulis jam 2020 dalam sistem 12 jam.

4 Berapakah bilangan hari dari 20 April 2005 hingga 3 Jun 2005?

5 Cari tempoh masa dari pukul 9.35 pagi hingga pukul 7.10 malam pada hari yang sama.

6 Nyatakan waktu $2\frac{1}{5}$ jam selepas jam 0955.

7 Berapa jamkah $\frac{3}{8}$ daripada 3 hari?

8 9 jam 40 minit + 1 jam 50 minit =

9 7 minggu 2 hari – 2 minggu 5 hari =

10 3 tahun 6 bulan \times 5 =

11 Hitung $5\frac{1}{5}$ dekad \div 4. Nyatakan jawapan dalam tahun.

- 12 Rajah di bawah menunjukkan waktu pada dua muka jam.



petang
14 Julai 2005




malam
16 Julai 2005

Berapakah beza tempoh masa, dalam jam dan minit, antara dua waktu itu?

- 13 Suatu ujian Sains dijalankan selama $1\frac{1}{4}$ jam. Ujian itu tamat pada pukul 10.10 pagi. Pada pukul berapakah ujian itu bermula?

- 14 Rajah di bawah menunjukkan masa perjalanan Juliana dari R ke U .



Hitung jumlah masa perjalanannya dari R ke U melalui S dan T .

- 15 Rajah di bawah menunjukkan suatu tarikh pada kalendar.




- (a) Nyatakan tarikh seminggu sebelum tarikh yang ditunjukkan di atas.
(b) Nyatakan tahun lompat selepas tahun 2004.

- 16 Ismail telah menetap di Putrajaya selama 42 bulan. Berapa lamakah, dalam tahun dan bulan, dia menetap di Putrajaya?

- 17 Suatu pertunjukan pentas bermula pada pukul 8.20 p.m.. Tempoh masa pertunjukan itu ialah $1\frac{3}{4}$ jam. Pada pukul berapakah pertunjukan itu tamat?


- 18 Rajah di bawah menunjukkan waktu Azlina mengulang kaji pelajaran.



Azlina tamat mengulang kaji pelajaran pada pukul 9.45 malam. Hitung tempoh masa Azlina mengulang kaji pelajaran.

- 19 Pembinaan sebuah surau mengambil masa 4 bulan 10 hari. Pembinaan itu bermula pada 27 April 2005. Bilakah surau itu akan siap dibina?

- 20 Rajah di bawah menunjukkan waktu pada dua muka jam pada suatu hari tertentu.



Hitung $\frac{1}{4}$ daripada tempoh masa itu, dalam minit.

UNIT 7 Panjang


Arahan: Jawab semua soalan.

1 Tukarkan 9.12 km kepada m.

2 Selesaikan $4.8 \text{ m} + 52 \text{ cm} + 3 \text{ m}$. Nyatakan jawapan dalam m.


3 Berapa sentimeterkah $\frac{3}{7}$ daripada 45.5 m?

4 Rajah di bawah menunjukkan kedudukan tiga buah bandar.



Diberi jarak dari P ke R melalui Q ialah 42.6 km. Berapakah beza jarak antara PQ dengan QR ?

5 Rajah di bawah menunjukkan tinggi 8 buah buku latihan yang sama.




Hitung tebal, dalam mm, sebuah buku latihan itu.

6 Hitung $23.45 \text{ km} - 180 \text{ m} - 7.6 \text{ km}$. Berikan jawapan dalam km.

7 Lengkapkan: $\frac{5}{8}$ daripada mm = 40 cm

8 Hitung $18 \text{ cm} \times 6$. Tukarkan jawapan kepada meter.


9 Rajah di bawah menunjukkan dua batang paku.



Berapakah beza panjang, dalam mm, antara dua batang paku itu?


10 Tinggi Wafi ialah 1.47 m manakala tinggi Latif adalah 9 cm kurang daripada tinggi Wafi. Berapakah tinggi Latif, dalam cm?

11 Rajah di bawah menunjukkan panjang seutas reben.



Berapakah bilangan keratan reben yang panjangnya seperti rajah di atas dapat diperolehi daripada 6 m reben?

12 Rajah di bawah menunjukkan jarak tiga buah pekan.



Jarak XY adalah 2 kali jarak YZ . Berapakah jarak YZ ?

13 Rajah di bawah menunjukkan beberapa gulung tali di dalam sebuah kotak.



Diberi panjang segulung tali ialah 3.5 m. Puan Low membeli 2 kotak tali itu. Hitung jumlah panjang, dalam m, tali yang dibelinya.

14


Haiwan	P	Q	R
Tinggi (m)	2	1.3	0.34

Hitung jumlah tinggi, dalam cm, tiga ekor haiwan dalam jadual di atas.

15 Jumlah panjang bagi 5 helai kain yang sama ialah 11.7 m. Berapakah panjang 3 helai kain itu?

16 Panjang seutas dawai ialah 3.4 m. $\frac{1}{4}$ daripada dawai itu dipotong. Berapakah panjang baki dawai itu, dalam cm?

17 Rajah di bawah menunjukkan 4 batang tiang lampu di Jalan Setia.



Jarak di antara setiap tiang lampu itu adalah sama. Hitung jarak, dalam m, di antara tiang lampu pertama dengan tiang lampu kedua.

18 Selesaikan:

$$\begin{array}{r} 9 \text{ km } 135 \text{ m} \\ \times \qquad \qquad 8 \\ \hline \end{array}$$

19 Jarak dari Melaka ke Johor Bahru ialah 219 km. Setelah memandu sejauh 67.8 km dari Melaka, John berhenti rehat. Berapakah jarak yang perlu dilaluinya lagi untuk sampai di Johor Bahru?

20 Jarak satu pusingan litar perlumbaan ialah 3.45 km. Seorang peserta telah menunggang motosikalnya sebanyak 10 pusingan di litar itu. Berapakah jarak tunggangannya, dalam m?

UNIT 8 Timbangan Berat

Arahan: Jawab semua soalan.

1 Hitung $4.03 \text{ kg} - 465 \text{ g}$. Berikan jawapan dalam kg.


2 Selesaikan $310 \text{ g} + 4\frac{3}{4} \text{ kg}$. Nyatakan jawapan dalam g.

3 Selesaikan $52 \text{ kg} - 960 \text{ g} - 1.47 \text{ kg}$. Berikan jawapan dalam kg.

4 Berapa gramkah $\frac{4}{9}$ daripada $3 \text{ kg } 60 \text{ g}$?

5 Hitung $9 \text{ g} \times 1000$. Tukarkan jawapan kepada kg.

6 Rajah di bawah menunjukkan jumlah berat beberapa biji ciku.



Berapakah jumlah berat, dalam kg yang melibatkan pecahan, kesemua ciku itu?

7 Berat sebungkus serbuk lada ialah 4 kg . Seorang peniaga membungkus semula serbuk lada itu kepada 100 paket kecil yang sama berat. Berapakah berat, dalam g, sepaket serbuk lada itu?

8 Berat 4 tin makanan ialah 1.3 kg . Berapakah berat, dalam kg, 7 tin makanan yang sama?

9 Berat Tommy ialah 65 kg. Tiga bulan kemudian, beratnya ialah 67.2 kg. Berapakah penambahan beratnya, dalam g?

12 Selesaikan $6\text{ kg } 20\text{ g} - 480\text{ g}$. Nyatakan jawapan dalam kg dan g.


10 Di dalam sebuah peti terdapat 30 kg beras. $\frac{5}{6}$ daripada beras itu telah digunakan. Berapakah berat baki beras itu, dalam g?

13 Jadual di bawah menunjukkan berat 3 orang murid.

Nama	Azizah	Archana	Amy
Berat (kg)	42.7	50	48.9

Berapakah jumlah berat mereka?


11 Rajah di bawah menunjukkan dua bungkusan.



Berat bungkusan P adalah $1\frac{1}{2}$ kg lebih daripada bungkusan Q . Hitung berat bungkusan Q , dalam kg dan g.

14 Berat sekotak biskut ialah 650 g. Berapakah bilangan kotak biskut yang mempunyai jumlah berat sebanyak 20.8 kg?

- 15 Rajah di bawah menunjukkan dua bakul buah-buahan.




Jumlah berat dua bakul buah-buahan itu ialah 26 kg. Berapakah beza berat buah-buahan antara bakul X dengan bakul Y ?

- 16 Berat sebuku sabun ialah 120 g. Hitung jumlah berat, dalam kg, 9 buku sabun yang sama.

- 17 Berapa gramkah $\frac{3}{8}$ daripada 4 kg?

- 18 Berat Rosni ialah 50 kg. Berat Nisha adalah $\frac{1}{5}$ kg lebih daripada berat Rosni. Berapakah jumlah berat mereka?

- 19 Rajah di bawah menunjukkan berat 3 kampit gula.



Berapakah selisih berat antara kampit gula yang paling berat dengan kampit gula yang paling ringan?

- 20 Rajah di bawah menunjukkan berat dua guni tepung.



$\frac{3}{5}$ daripada tepung guni R dan $\frac{1}{2}$ daripada tepung guni S telah digunakan. Hitung jumlah berat tepung yang telah digunakan.

UNIT 9 Isi Padu Cecair


Arahan: Jawab semua soalan.

1 Tambahkan 380 ml dan 5.7 l . Nyatakan jawapan dalam ml .

2 Hitung $6.07 \text{ l} - 330 \text{ ml}$. Berikan jawapan dalam l .

3 Selesaikan $0.95 \text{ l} + 2.1 \text{ l} + 620 \text{ ml}$. Nyatakan jawapan dalam l .

4 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam sebuah bekas.



Nyatakan isi padu air dalam l yang melibatkan pecahan.

5 Hitung $\frac{4}{5}$ daripada 12 l . Nyatakan jawapan dalam ml .

6 Jadual di bawah menunjukkan isi padu jus oren jenama M dan N .

Jenama	M	N
Isi Padu	1.5 l	750 ml


Puan Kim membeli 2 botol jus oren jenama M dan sebotol jus oren jenama N . Hitung jumlah isi padu, dalam l , kesemua jus oren itu.

7 Selesaikan $19.628 \text{ l} \div 8$. Bundarkan hasil bahagi kepada tiga tempat perpuluhan.

8 Jumlah air di dalam tiga buah bikar ialah 20.7 l . Dua daripada bikar itu mengandungi 6 l dan 7.8 l air. Berapa literkah air di dalam bikar ketiga?

9 Setiap hari, Aiman minum $\frac{1}{4}$ ℓ susu segar. Berapa liter susu segarkah yang diminum oleh Aiman dalam masa seminggu?


10 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam sebuah bikar.



Berapa mililiterkah air yang perlu ditambahkan supaya bacaan baru menjadi 1 ℓ?

11 1 ℓ jus mangga berharga RM4.50. Encik Mansur mempunyai RM36. Berapa liter jus manggakah yang dapat dibeli oleh Encik Mansur?

12 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam dua buah bekas.



Berapakah beza isi padu, dalam ℓ, air di dalam kedua-dua bekas itu?


13 Jadual di bawah menunjukkan isi padu air di dalam empat buah tong.

Tong	W	X	Y	Z
Isi Padu (ℓ)	12			21

Jumlah isi padu air di dalam kesemua tong itu ialah 50 ℓ. Diberi isi padu air di dalam tong X dan tong Y adalah sama. Berapakah isi padu, dalam ℓ, air di dalam tong X?

14 Sebotol minuman mengandungi 1.5 ℓ air. Sophia minum $\frac{1}{5}$ daripada air di dalam botol itu. Berapa mililiterkah air yang tinggal?

- 15 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam bekas R dan S .



Berapa mililiterkah air di dalam bekas R perlu dituang ke dalam bekas S supaya jumlah isi padu air di dalam kedua-dua bekas itu sama?


- 16 Satu botol air mineral mengandungi 500 ml air. Berapa literkah air yang terdapat di dalam 45 botol air mineral yang sama?

- 17 Puan Chua mengisikan 12.6 l air sirap secara sama banyak ke dalam 36 biji gelas. Berapakah isi padu, dalam ml, air sirap di dalam setiap gelas itu?

- 18 Hitung $2\frac{3}{5}$ l + 800 ml. Berikan jawapan dalam l dan ml.

- 19 Yu Chong minum 1.2 l air. Gopal pula minum 450 ml air kurang daripada Yu Chong. Berapakah jumlah isi padu, dalam l, air yang diminum oleh mereka?

- 20 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam tiga buah bekas.




- $\frac{1}{4}$ daripada jumlah isi padu air itu tertumpah. Berapakah isi padu, dalam ml, air yang tertumpah?

UNIT 10 Bentuk Dua Matra

Arahan: Jawab semua soalan.


1



Hitung perimeter rajah di atas.


2 Luas sebuah segiempat tepat ialah 120 cm^2 . Jika panjangnya ialah 15 cm , berapakah lebar segiempat tepat itu?

3 Rajah di bawah terdiri daripada segiempat tepat $PQRS$ dan segitiga RST .




Berapakah luas kawasan berlorek?

4 Rajah di bawah terdiri daripada sebuah segiempat tepat dan sebuah segiempat sama.




Berapakah perimeter rajah itu?

5 Rajah di bawah terdiri daripada tiga buah segitiga sama kaki yang sama.




Diberi perimeter seluruh rajah itu ialah 36 cm . Cari nilai x .

6




Berapakah selisih luas antara kedua-dua bentuk dalam rajah di atas?

7 Rajah di bawah dilukis pada petak-petak segiempat sama yang sama besar.




Berapakah luas kawasan berlorek?


- 8 Rajah di bawah menunjukkan sebuah segiempat tepat.



Lukis sebuah segiempat sama yang mempunyai luas yang sama dengan rajah di atas pada petak-petak segiempat sama di bawah.




- 9 Rajah di bawah terdiri daripada beberapa segiempat sama yang sama besar.




Diberi luas sebuah segiempat sama itu ialah 4 cm^2 . Berapakah perimeter seluruh rajah itu?

10




Hitung perimeter, dalam cm, rajah di atas.

- 11 Rajah di bawah terdiri daripada empat buah segitiga sama sisi dan sebuah segiempat sama.




Berapakah perimeter seluruh rajah itu?

12




Cari luas seluruh rajah di atas.

- 13 Rajah di bawah menunjukkan dua buah segiempat sama.




Setiap sisi M adalah 2 cm lebih pendek daripada sisi N . Berapakah beza perimeter antara bentuk M dan N ?

- 14 Rajah di bawah menunjukkan dua buah segitiga bersudut tegak yang sama dan sebuah segiempat tepat.



Diberi perimeter seluruh rajah itu ialah 46 cm. Hitung nilai p .


15



Rajah di sebelah menunjukkan bentuk sebidang tanah.


Yusri ingin memagari tanah itu. Harga semeter pagar dawai ialah RM9.50. Berapakah jumlah harga pagar dawai yang perlu dibeli oleh Yusri?

16 Rajah di bawah terdiri daripada petak-petak segiempat sama yang sama besar.




Berapakah perimeter kawasan yang **tidak** berlorek?

17




Hitung luas kawasan berlorek rajah di atas.

18 Rajah di bawah menunjukkan gabungan dua buah segiempat sama dan sebuah segitiga sama kaki.




Hitung luas seluruh rajah itu.

19



Hitung luas seluruh rajah di atas.

20 Rajah di bawah terdiri daripada gabungan sebuah segiempat tepat, sebuah segiempat sama, dan sebuah segitiga bersudut tegak.




Diberi perimeter seluruh rajah itu ialah 54 cm. Hitung nilai x .

UNIT 11 Bentuk Tiga Matra

Arahan: Jawab semua soalan.

1




Rajah di sebelah menunjukkan bentangan sebuah pepejal.

- (a) Namakan pepejal itu.
 (b) Berapakah bilangan tepi yang dimiliki oleh pepejal itu?

- 2 Diberi luas tapak sebuah kubus ialah 16 cm^2 . Berapakah isi padu kubus itu?



- 3 Rajah di bawah menunjukkan gabungan dua buah pepejal yang bercantum rapat.



Berapakah jumlah bucu bagi gabungan pepejal itu?


- 4 Isi padu sebuah kotak yang berbentuk kuboid ialah 504 cm^3 . Diberi panjangnya ialah 7 cm dan lebarnya ialah 8 cm . Hitung tinggi kotak itu.

- 5 Rajah di bawah menunjukkan dua buah pepejal.




Kedua-dua pepejal itu mempunyai isi padu yang sama. Hitung nilai x .

- 6 Rajah di bawah menunjukkan sebuah piramid.




Bahagian berlorek dipotong daripada pepejal itu. Hitung bilangan bucu pada pepejal yang tinggal.

- 7 Pepejal di bawah dibina daripada beberapa kubus yang sama besar.




Panjang sisi setiap kubus itu ialah 3 cm . Berapakah isi padu pepejal itu?

- 8 Rajah di bawah menunjukkan sebiji kek yang berbentuk kuboid.




Puan Kumari memotong $\frac{1}{4}$ daripada kek itu. Berapakah isi padu, dalam cm^3 , kek yang tinggal?

- 9 Rajah di bawah menunjukkan gabungan dua buah pepejal.




Kira beza isi padu antara dua pepejal itu.

- 10 Rajah di bawah menunjukkan gabungan tiga buah kuboid yang sama besar.




Isi padu seluruh rajah itu ialah 792 cm^3 . Hitung nilai p .

- 11 Rajah di bawah menunjukkan dua buah kubus dan sebuah kuboid yang bercantum rapat.




Kawasan berlorek adalah 20% daripada isi padu seluruh rajah itu. Diberi isi padu tiga buah pepejal itu ialah 420 cm^3 . Hitung jumlah isi padu pepejal yang tidak berlorek.

- 12 Diberi jumlah isi padu bagi ketiga-tiga pepejal dalam rajah di bawah ialah 100 cm^3 .




Berapakah isi padu kawasan yang berlorek?

- 13 Rajah di bawah terdiri daripada beberapa buah kubus yang sama besar.




Hitung isi padu seluruh rajah itu.

- 14 Rajah di bawah menunjukkan sebuah tangki yang berisi air.




Berapakah isi padu, dalam m^3 , air yang perlu ditambahkan lagi untuk memenuhi tangki itu?

- 15 Rajah di bawah terdiri daripada tiga buah kuboid yang sama besar.




Hitung isi padu seluruh rajah itu.

- 16 Pepejal di bawah terdiri daripada lima buah kuboid yang sama besar.




$\frac{2}{5}$ daripada jumlah isi padu pepejal itu dikeluarkan. Berapakah isi padu baki pepejal itu?

- 17 Rajah di bawah terdiri daripada gabungan tiga buah pepejal.



Hitung isi padu seluruh rajah itu.

- 18 Rajah di bawah menunjukkan bentangan bagi sebuah pepejal.



Hitung isi padu pepejal itu apabila bentangan dicantumkan semula.

- 19



Rajah di sebelah menunjukkan sebuah pepejal. Nyatakan
(a) nama,
(b) bilangan tepi,
(c) bentuk tapak,
bagi pepejal itu.

- 20 Sepotong kuih berbentuk kubus dengan panjang sisi 6 cm. Rashid telah makan 25% daripada kuih itu. Berapakah isi padu, dalam cm^3 , kuih yang dimakan oleh Rashid?

UNIT 12 Purata

Arahan: Jawab semua soalan.

1 Berapakah purata bagi 68, 102, 9, 237, dan 360?

2 Purata bagi empat nombor ialah 73. Diberi tiga daripada nombor itu ialah 46, 57, dan 68. Apakah nombor yang satu lagi?

3 Purata panjang sebatang pembaris ialah 15 cm. Jumlah panjang pembaris yang dibeli oleh seorang guru ialah 1.05 m. Kira bilangan pembaris yang dibelinya.

4 Berat Ani ialah 30.7 kg. Berat Balkis ialah 29.6 kg. Berat Chiang adalah sama dengan jumlah berat Ani dan Balkis. Berapakah purata berat mereka?

5 2.45, _____, 5.09, 0.6, dan 7.18


Diberi purata nombor di atas ialah 3.4. Apakah nombor yang perlu diisikan di ruang kosong itu?

6 Jadual di bawah menunjukkan bilangan rambutan di dalam 4 buah bakul.

Bakul	A	B	C	D
Bilangan Rambutan	107	86	209	74

Berapakah purata bilangan rambutan yang terdapat di dalam setiap bakul itu?


7 Rajah di bawah menunjukkan 3 bungkusan dengan berat yang berbeza.



Berapakah purata berat, dalam g, ketiga-tiga bungkusan itu?

8 Purata bagi lima nombor ialah 16. Apabila satu nombor ditambahkan, purata baru ialah 18. Apakah nombor yang ditambahkan itu?

- 9 Rajah di bawah menunjukkan 4 buah balang yang berisi guli.



Bilangan guli balang *R* adalah 8 biji kurang daripada balang *Q*. Hitung purata bilangan guli di dalam setiap balang.

- 10 Purata umur bagi 8 orang murid ialah 11 tahun 7 bulan. Berapakah jumlah umur mereka?

- 11 Diberi purata markah bagi empat orang murid dalam jadual di bawah ialah 84.


Nama	Munirah	Muthu	May Yee	Melvin
Markah	78			96

Markah Muthu dan May Yee adalah sama. Berapakah markah Muthu?

- 12 Salmiah membeli 3 buah album setem dengan jumlah harga RM26.10. Kemudian, dia membeli 2 buah album setem lagi dengan jumlah harga RM19.10. Berapakah purata harga sebuah album setem yang dibeli oleh Salmiah?


- 13 Pendapatan Encik Wong ialah RM2100 sebulan. Pendapatan isterinya adalah kurang $\frac{1}{3}$ daripadanya. Berapakah purata pendapatan mereka?

- 14 Rajah di bawah menunjukkan empat utas tali.



Purata panjang empat utas tali itu ialah 6.24 m. Berapakah panjang tali *N*?

- 15 Rajah di bawah menunjukkan isi padu air di dalam empat buah bekas.



- (a) Hitung purata isi padu air bagi keempat-empat bekas itu.
 (b) Kira beza isi padu air antara bekas Y dengan purata isi padu air itu.

- 16 Jadual di bawah menunjukkan masa yang diambil oleh 5 orang murid untuk menyiapkan suatu tugas.

Nama	Masa (jam)
Chang	$\frac{1}{4}$
David	$\frac{1}{2}$
Zul	$\frac{5}{6}$
Kumar	$\frac{2}{3}$
Gurmit	$\frac{3}{4}$

Berapakah purata masa, dalam minit, yang digunakan oleh setiap orang murid untuk menyiapkan tugas itu?

- 17 Purata bagi 6 nombor ialah 12.5. Diberi hasil tambah 4 daripada nombor itu ialah 50.8. Berapakah hasil tambah dua nombor lagi?

- 18 Seorang peniaga mendapat keuntungan sebanyak RM3450 pada bulan Januari. Pada bulan Februari, keuntungannya bertambah sebanyak RM1080. Keuntungan bulan Mac adalah sama dengan keuntungan pada bulan Februari. Hitung purata keuntungannya bagi sebulan.

- 19 Rajah di bawah menunjukkan tinggi beberapa batang pokok buah-buahan.

Pokok	Tinggi (m)
Durian	3.9
Mangga	4.38
Kelapa	

Tinggi pokok kelapa adalah $\frac{3}{4}$ daripada jumlah tinggi pokok durian dan pokok mangga. Berapakah purata tinggi seponon pokok buah-buahan itu?

- 20 Puan Mariamah telah membeli beberapa biji telur. Jumlah harga telur itu ialah RM4.50. Purata harga sebiji telur ialah 25 sen. Berapa biji telurkah yang dibeli Puan Mariamah?

UNIT 13 Perwakilan Data

Arahan: Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 5 berdasarkan piktograf yang berikut.

Piktograf di bawah menunjukkan jualan asam laksa Mak Ji dalam empat hari.


Khamis	
Jumaat	
Sabtu	
Ahad	

mewakili 40 mangkuk asam laksa

- 1 Nyatakan jumlah jualan asam laksa dalam 4 hari itu.
- 2 Cari perbezaan antara jualan hari Khamis dan Ahad.
- 3 Harga semangkuk asam laksa ialah RM2.20. Berapakah jumlah pendapatan Mak Ji pada hari Sabtu dan Ahad?
- 4 Keuntungan semangkuk asam laksa ialah 80 sen. Berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi pada hari Khamis dan Jumaat?
- 5 Hitung purata jualan asam laksa dalam empat hari itu.

Soalan 6 hingga Soalan 10 berdasarkan carta palang yang berikut.


Carta palang di bawah menunjukkan bilangan pekerja di empat buah kilang.



- 6 (a) Paksi mencancang mewakili _____.
(b) Paksi mengufuk mewakili _____.
- 7 Berapakah jumlah pekerja di empat buah kilang itu?
- 8 $\frac{3}{5}$ daripada jumlah pekerja ialah pekerja wanita. Berapakah bilangan pekerja lelaki di empat buah kilang itu?
- 9 Berapakah pecahan bilangan pekerja kilang X daripada jumlah pekerja?
- 10 25% daripada jumlah pekerja diberi kenaikan gaji. Berapakah bilangan pekerja yang diberi kenaikan gaji?

Soalan 11 hingga Soalan 15 berdasarkan piktograf yang berikut.

Piktograf di bawah menunjukkan bilangan murid Tahun 6 yang mendapat gred A, B, C, D, dan E dalam suatu ujian percubaan Matematik.




mewakili 5 orang murid

- 11 Gred apakah yang paling banyak diperolehi murid Tahun 6?
- 12 Gred A, B, dan C dianggap lulus. Berapakah bilangan murid yang gagal dalam ujian itu?
- 13 Berapakah beza antara bilangan murid yang lulus dengan bilangan murid yang gagal dalam ujian itu?
- 14 Hitung jumlah murid Tahun 6 yang menduduki ujian itu.
- 15 Berapakah peratus murid yang mendapat gred C daripada jumlah murid Tahun 6?

Soalan 16 hingga Soalan 20 berdasarkan carta palang yang berikut.

Carta palang yang tidak lengkap di bawah menunjukkan perbelanjaan Wendy dalam masa 5 hari.



- 16 Jumlah perbelanjaan pada hari _____ dan hari _____ adalah bersamaan dengan perbelanjaan pada hari Rabu.
- 17 Diberi purata perbelanjaan bagi kelima-lima hari itu ialah RM3. Berapakah perbelanjaan Wendy pada hari Selasa?
- 18 Wendy menggunakan 40% daripada perbelanjaannya pada hari Khamis untuk membeli sebatang pen. Berapakah harga pen itu?
- 19 Setiap hari, Wendy diberi RM5 oleh ayahnya. Berapakah wang yang dapat disimpennya dalam masa 5 hari itu?
- 20 Wang perbelanjaan Wendy pada hari Jumaat digunakan untuk membeli 3 buah buku latihan yang sama. Berapakah harga 2 buah buku latihan itu?